

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

Isi Kandungan	Mukasurat
LAPORAN PENGURUS	2
1. MAKLUMAT DANA	2
2. PRESTASI DANA	3
3. LAPORAN PENGURUS	6
4. PERNYATAAN PENGURUS	12
5. PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH	13
6. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)	14
7. PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)	15
8. PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)	16
9. PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)	17
10. NOTA-NOTA KEPADA AKAUN	18

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

LAPORAN PENGURUS

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Bank Simpanan Nasional (ASBSN) yang dihormati, Permodalan BSN Berhad (PBSN) selaku Pengurus dana ASBSN dan AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah, dengan sukacitanya membentangkan laporan setengah tahun ASBSN bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2013.

1. MAKLUMAT DANA

Maklumat dana adalah seperti berikut: -

Nama Dana : Amanah Saham Bank Simpanan Nasional (ASBSN).

Kategori Dana : Pendapatan dan Pertumbuhan.

Jenis Dana : Dana Ekuiti.

Objektif Pelaburan Dana : Objektif dana ASBSN adalah berusaha untuk meningkatkan modal pelaburan dalam jangka masa sederhana dan panjang dalam pasaran ekuiti dan berusaha untuk meningkatkan pendapatan dengan melabur dalam sekuriti-sekuriti yang memberikan pulangan yang baik dan berfaedah tetap.

Penanda Aras Dana : ASBSN menggunakan penanda aras FBM KLCI bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Polisi Pengagihan Pendapatan Dana : Pengagihan pendapatan (sekiranya ada) adalah tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan untung nyata dana. Pengagihan pendapatan tersebut (sekiranya ada) akan dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun.

Pegangan Unit : Pada 30 Jun 2013, seramai 93,501 orang telah menyertai ASBSN. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit
5,000 ke bawah	83,713	76,987,478
5,001 - 10,000	5,509	37,575,967
10,001 - 50,000	4,054	70,384,926
50,001 - 500,000	222	19,621,510
500,001 ke atas	3	73,572,970

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

2. PRESTASI DANA

2.1 Pencapaian ASBSN

Bagi tahun berakhir 30 Jun 2013, ASBSN telah mencapai objektif pelaburan. Dana mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM 8.95 juta berbanding keuntungan bersih sebanyak RM 1.43 juta bagi tempoh yang sama sebelum ini. Nilai Aset Bersih (NAB) per unit untuk ASBSN setakat 30 Jun 2013 adalah RM 0.3775, kenaikan sebanyak 7.09% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 0.3525. Unit dalam edaran setakat 30 Jun 2013 adalah 279.80 juta.

2.2 Perumpukan Aset

Perumpukan aset bagi ASBSN adalah seperti berikut:

Komponen Aset Dalam Portfolio	%		
	30.06.2013	31.12.2012	31.12.2011
Pelaburan di pasaran ekuiti	89.03	83.92	84.91
Tunai	10.97	16.08	15.09
Jumlah	100.00	100.00	100.00

2.3 Perumpukan Pelaburan Mengikut Sektor

Sektor	RM		
	30.06.2013	31.12.2012	31.12.2011
Pelaburan di pasaran ekuiti :			
Pembinaan	8,746,689	4,820,548	8,135,459
Barangan Pengguna	4,637,400	4,563,610	4,588,000
Kewangan	11,592,454	18,378,198	21,981,806
Barangan Industri	14,288,742	11,515,948	10,123,959
Syarikat Projek Infrastruktur	709,200	609,600	1,183,800
MESDAQ	-	-	21,000
Perladangan	8,474,300	8,183,544	6,670,300
Hartanah	2,744,655	3,033,120	3,870,140
Perdagangan & Perkhidmatan	41,574,243	32,239,922	33,734,930
Tunai	11,436,121	15,964,943	15,529,906

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

2.4 Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

Perkara	30.06.2013	31.12.2012	31.12.2011
Nilai Aset Bersih (RM)	105,638,133	95,544,094	96,767,813
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	0.3775	0.3459	0.3476
Unit Dalam Edaran	279,800,000	276,230,000	278,400,000
Harga Jualan Seunit (RM)	0.3775	0.3459	0.3476
Harga Belian Seunit (RM)	0.3775	0.3459	0.3476
Harga Jualan Seunit (tertinggi) (RM)	0.3819	0.3653	0.3908
Harga Belian Seunit (tertinggi) (RM)	0.3819	0.3653	0.3908
Harga Jualan Seunit (terendah) (RM)	0.3375	0.3374	0.3222
Harga Belian Seunit (terendah) (RM)	0.3375	0.3374	0.3222
Jumlah Pulangan (Pertumbuhan Modal) (%)	11.85	-4.03	-7.23
Jumlah Pulangan (Pengagihan Pendapatan) (%)	-	4.92	6.69
Pengagihan Kasar Seunit (%)	-	1.70	2.50
Pengagihan Bersih Seunit (%)	-	1.64	2.44
Tarikh Pembayaran	-	31.01.2013	15.04.2012
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) :			
Tahunan	0.97	2.00	1.96
Nisbah Dagangan Portfolio (%) :			
Tahunan	48.00	99.00	88.00

2.4.1 Nisbah Perbelanjaan Pengurusan

Penurunan nisbah ini adalah disebabkan oleh jumlah perbelanjaan Dana yang dicatatkan pada tahun 2013 adalah untuk setengah tahun sahaja sebanyak RM 0.97 juta berbanding RM 1.96 juta di tahun 2012.

2.4.2 Nisbah Dagangan Portfolio

Penurunan nisbah kepada 48.00% untuk setengah tahun berakhir 30 Jun 2013 adalah terutamanya disebabkan oleh penurunan yang ketara dalam pelaburan ekuiti berbanding tahun sebelumnya.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

Asas Pengiraan Untuk Maklumat Prestasi

i. **Kandungan Portfolio**

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga pasaran pada 30 Jun 2013.

ii. **Nilai Aset Bersih**

Nilai aset bersih diambilkira setelah menolak jumlah nilai liabiliti Dana daripada jumlah nilai aset Dana. Nilai Aset Bersih (NAB) seunit diperolehi dengan membahagikan Nilai Aset Bersih Dana dengan bilangan unit dalam edaran.

iii. **Harga Jualan Seunit**

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus-pengurus kepada pemegang unit dengan mengambilkira Nilai Aset Bersih pada penghujung hari urusniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam edaran pada hari tersebut dan dikenakan bayaran perkhidmatan tidak melebihi 3 %. Harga ini kemudiannya akan diselaraskan sehingga satu sen yang terhampir.

iv. **Harga Belian Seunit**

Harga belian seunit adalah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus-pengurus daripada pemegang unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada NAB seunit.

v. **Pertumbuhan Modal**

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambilkira perbezaan harga belian dari setahun ke setahun.

vi. **Pengagihan Pendapatan**

Pengagihan pendapatan adalah perolehan kasar tahunan iaitu:

$$\frac{\text{Dividen Kasar}}{\text{Harga Jualan Pada Hari Pertama tahun yang sama}} \times 100$$

vii. **Nisbah Perbelanjaan Pengurusan**

Nisbah ini adalah jumlah yuran pengurusan, yuran pemegang amanah, yuran audit, yuran ejen cukai dan lain-lain perbelanjaan pentadbiran dibahagikan dengan purata Nilai Aset Bersih Dana yang dikira secara bulanan/tahunan.

$$\frac{\text{Yuran + Belanja}}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana yang dikira secara bulanan/tahunan}} \times 100$$

viii. **Nisbah Dagangan Portfolio**

Pengiraan adalah seperti berikut:

$$\frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan})/2}{\text{Purata Nilai Aset Bersih Dana yang dikira secara bulanan/tahunan}} \times 100$$



Perhatian : Prestasi lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga seunit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 Perbandingan prestasi Dana dan Penanda Aras


Bagi separuh pertama tahun 2013, dana mencatatkan pulangan sebanyak 9.17% berbanding dengan penanda aras sebanyak 5.01%. Peratusan pulangan dana mengatasi peratusan penanda aras disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah pertambahan pegangan dalam pasaran ekuiti dan pasaran wang. Pada bulan Januari, dana memperuntukkan 85.39% daripada Nilai Aset Bersih ke dalam pasaran ekuiti. Pada bulan Mei, jumlah ini meningkat kepada 89.85%. Selain itu, dana juga berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM1.36 juta pada bulan Mei dan RM0.88 juta pada bulan Jun hasil daripada penjualan saham pada bulan-bulan tersebut.




AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

Tahun/ Bulan	Amanah Saham BSN	
	Dana	KLCI
2012	4.40%	10.34%
2011	-0.29%	0.78%
2010	15.37%	19.34%
2009	44.78%	45.17%
2008	-33.93%	-39.33%
2007	16.99%	31.82%
2006	14.63%	21.83%
2005	-13.70%	-0.84%
2004	9.06%	14.29%
2003	18.44%	22.84%
2002	0.93%	-7.15%
2001	1.90%	2.42%
2000	-23.26%	-16.33%
1999	13.31%	38.59%
1998	6.05%	-1.40%
1997	-52.79%	-51.98%
1996	7.81%	24.40%
*1995	-4.06%	8.73%
YTD	9.17%	5.01%
1 bulan	-3.06%	0.24%
3 bulan	7.18%	6.10%
6 bulan	9.17%	5.01%
9 bulan	11.98%	8.36%
12 bulan	12.36%	10.91%
2 tahun	9.39%	12.32%
3 tahun	23.66%	34.97%
4 tahun	50.71%	64.94%
5 tahun	47.55%	49.47%
6 tahun	31.26%	30.95%
7 tahun	66.70%	93.90%
8 tahun	61.19%	99.65%
9 tahun	54.64%	116.32%
10 tahun	81.06%	156.31%
Sejak Penubuhan	-13.17%	93.78%
*Sejak Penubuhan 12/1/95		

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL



Purata Jumlah Pulangan (%)						
	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun	Sejak Penubuhan
Dana	12.36	4.59	7.34	10.80	8.09	-0.76
Penanda Aras	10.91	5.98	10.51	13.33	8.37	3.65



Jumlah Pulangan Tahunan (%)						
	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun	Sejak Penubuhan
Dana	12.36	9.39	23.66	50.71	47.55	-13.17
Penanda Aras	10.91	12.32	34.97	64.94	49.47	93.78

Sumber : Semua jumlah angka pencapaian telah ditentusahkan betul oleh Perkasa Normandy Managers Sdn Bhd (530172-V).

Perhatian : Prestasi lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga seunit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

3.2 Polisi Pelaburan

Polisi ASBSN adalah untuk melabur dalam pelaburan yang dibenarkan, terutamanya dalam saham yang tersenarai di Bursa Malaysia Sekuriti Berhad dan instrumen kewangan selaras dengan Surat Ikatan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti.

3.3 Prospek dan Strategi Pelaburan

Prospek ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik untuk separuh tahun kedua 2013, didorong oleh permintaan domestik. Walaupun aktiviti ekonomi agak perlahan pada awal tahun 2013 (+4.1% pada 1Q2013 berbanding +6.5% pada 4Q2012), data terkini menunjukkan terdapat pemulihan dalam ekonomi Malaysia, terutama permintaan terhadap pelaburan swasta.

Perbelanjaan swasta ('private consumption') pula telah menunjukkan pertumbuhan pada permulaan tahun 2013 (+7.5% pada 1Q2013 berbanding +6.2% pada 4Q2012) dan ianya dijangka akan terus menunjukkan pertumbuhan didorong oleh kenaikan pendapatan dan pasaran buruh yang menggalakkan. Ini ditambah lagi dengan inisiatif kerajaan yang memberikan Bantuan Rumah 1Malaysia (BR1M) kepada rakyat dan juga terlaksananya polisi gaji minimum.

Pelaburan swasta ('private investment') juga dijangka pulih, sekaligus akan memberikan sokongan yang kuat untuk permintaan domestik. Ini adalah didorong oleh pelaksanaan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan pelbagai lagi koridor ekonomi. Dari segi penawaran pula, eksport untuk Elektrik dan Elektronik dijangka pulih pada separuh tahun kedua 2013, selari dengan perkembangan ekonomi dunia yang lebih baik.

Untuk pasaran ekuiti, saham yang berkaitan dengan pembinaan, hartanah dan perbankan, bakal meraih manfaat lebih banyak daripada projek ETP, dan dijangkakan bakal menjadi pencetus kepada peningkatan di masa depan. Rali yang dicatatkan FBM KLCI - mencecah paras tertinggi dalam sejarah pada 1,826.22 mata pada 6 Mei lalu, membuktikan bahawa pasaran saham tempatan mempunyai peluang cerah untuk terus meningkat.

Bergerak seiring dengan momentum pasaran yang semakin positif, strategi pelaburan akan memberi tumpuan kepada saham-saham yang ber'beta' tinggi dan tidak menunjukkan peningkatan yang ketara ('laggard') sepanjang tahun ini. Dari perspektif sektor, perbankan, pembinaan dan minyak dan gas akan diberi tumpuan.

3.4 Tinjauan Ekonomi dan Pasaran Saham Separuh Pertama 2013

Keadaan ekonomi Malaysia pada separuh tahun pertama 2013 berada dalam situasi yang agak baik di mana sektor pembuatan menunjukkan peningkatan. Jumlah pengeluaran telah mencapai pertumbuhan yang lebih besar iaitu indeks berada pada 106 mata pada separuh tahun pertama 2013 berbanding 93.5 mata pada separuh tahun kedua 2012. Kunci utama kepada pertumbuhan ini adalah pengambilan buruh yang berkemahiran, pelaburan yang lebih terancang dan pelaburan di dalam pengkomputeran & jentera.

Pasaran pada mulanya jatuh untuk awal separuh tahun pertama disebabkan oleh ketidaktentuan politik - faktor Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13). Antara sektor yang menerima impak ialah sektor automotif di mana terdapat manifesto yang ingin mengurangkan harga kenderaan. Namun demikian jualan kenderaan untuk 1H2013 menunjukkan pertumbuhan sebanyak 4.1% berbanding 1H2012. Pasaran secara umumnya menunjukkan peningkatan yang mendadak sebaik sahaja PRU13 dijalankan. Ini adalah disebabkan oleh sikap optimistik di kalangan pelabur terhadap kejayaan Barisan Nasional.

Bagi Kadar Dasar Semalaman ('Overnight Policy Rate') pula, Bank Negara Malaysia telah mengadakan tiga Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) sepanjang separuh tahun pertama 2013 (Jan, Mac dan Mei). Kadar ini kekal pada 3.00% di mana ia dianggap sesuai untuk mengekalkan permintaan domestik.

Menyusuri penghujung 1H2013, kekalutan pasaran dunia terjadi berikutan spekulasi mengenai QE3 ('Quantitative Easing') yang akan ditamatkan lebih awal daripada yang dijangkakan berikutan perkembangan positif ekonomi Amerika Syarikat. Ini mengakibatkan dana asing melaksanakan pengeluaran dana daripada pasaran membangun ('Emerging Markets'). Walaupun begitu, prestasi FBM KLCI telah berakhir dengan baik iaitu indeks tutup untuk separuh tahun pertama pada 1,773.54 mata (+5.01% untuk 1H2013).

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

3.5 Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan pendapatan dilakukan bagi tempoh sehingga 30 Jun 2013.

3.6 Rebat Dan Komisen Ehsan

Untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2013, tiada rebat dan komisen ehsan dicatatkan.

3.7 Pelaburan

Sektor	Kos	Pembelian	Penjualan	'Mark up/ down'	Nilai bawa
	1.1.2013	pada kos	pada kos	nilai pasaran	30.06.2013
	RM	RM	RM	RM	RM
Pembinaan	6,032,623	5,347,348	2,135,897	(497,385)	8,746,689
Barangan Pengguna	5,706,998	2,054,820	2,118,485	(1,005,933)	4,637,400
Kewangan	20,995,697	1,284,110	10,037,001	(650,353)	11,592,453
Barangan Industri	12,884,007	8,700,931	5,963,149	(1,333,048)	14,288,742
Infrastruktur	1,215,593	-	-	(506,394)	709,199
Perladangan	9,106,579	1,623,149	1,146,063	(1,109,366)	8,474,300
Hartanah	3,390,673	3,206,595	3,645,317	(207,296)	2,744,655
Perdagangan/Perkhidmatan	37,183,027	31,353,294	23,444,287	(3,517,791)	41,574,243
	<u>96,515,197</u>	<u>53,570,248</u>	<u>48,490,199</u>	<u>(8,827,564)</u>	<u>92,767,681</u>

3.8 Pengasingan Unit

Tiada sebarang pengasingan unit dilakukan bagi tempoh sehingga 30 Jun 2013.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

4. PERNYATAAN PENGURUS

Kami, **DATUK ADINAN BIN MANING** dan **ROSLANI BIN HASHIM**, merupakan dua dari pengarah-pengarah kepada **PERMODALAN BSN BERHAD**, dengan ini mengaku bahawa, pada pendapat para pengurus, penyata kewangan yang dinyatakan di mukasurat 14 hingga 36, dinyatakan mengikut Piawaian Perakaunan yang bersesuaian di Malaysia dan Garispanduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti yang memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan **AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL** pada 30 Jun 2013 dan keputusan serta perubahan pada nilai aset bersih dan aliran tunai pada setengah tahun tersebut, dan mengikut keperluan Suratikatan.

Bagi pihak Lembaga berdasarkan kepada resolusi pengarah-pengarah kepada Pengurus

DATUK ADINAN BIN MANING
Pengarah

ROSLANI BIN HASHIM
Pengarah

Kuala Lumpur
Tarikh :30 Julai 2013

AMANAHAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

5. PERNYATAAN PEMEGANG AMANAHAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAHAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAHAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir pada 30 Jun 2013. Pada pendapat kami, PERMODALAN BSN BERHAD, selaku Pengurus, telah mengurus AMANAHAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 Jun 2013.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAHAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL adalah mencukupi dan penilaian/penentuan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Yang benar
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur
Tarikh :30 Julai 2013

AMANAHA SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

6. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)

	Nota	30.06.2013	31.12.2012
		RM	RM
ASET			
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	4	92,767,683	83,344,490
Simpanan dengan institusi kewangan berlesen	6	11,190,987	15,931,217
Tunai di bank		245,134	33,726
Amaun terhutang dari broker saham		3,383,703	1,364,404
Dividen belum terima		177,690	64,863
Keuntungan belum terima		7,873	47,939
Tuntutan cukai		130,091	111,091
JUMLAH ASET		107,903,161	100,897,730
LIABILITI			
Amaun terhutang kepada pengurus		121,345	129,295
Amaun terhutang kepada pemegang amanah		4,854	8,324
Amaun terhutang kepada broker saham		1,897,892	446,744
Sipiutang pelbagai		3,100	223,500
Pengagihan belum bayar		237,837	4,545,773
JUMLAH LIABILITI		2,265,028	5,353,636
NILAI ASET BERSIH		105,638,133	95,544,094
EKUITI			
Sumbangan pemegang unit	7	388,233,414	387,093,918
Kerugian terkumpul	8	(282,595,281)	(291,549,824)
NAB BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG UNIT		105,638,133	95,544,094
JUMLAH NAB BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG UNIT DAN LIABILITI		107,903,161	100,897,730
UNIT DALAM EDARAN	7	279,800,000	276,230,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM)		0.3775	0.3459

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

7. **PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**
BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)

	<u>Nota</u>	<u>30.06.2013</u>	<u>31.12.2012</u>
		RM	RM
PENDAPATAN PELABURAN			
Pendapatan faedah		186,802	517,168
Pendapatan dividen kasar		1,828,311	2,718,613
Lain-lain pendapatan		-	20,962
Untung nyata bersih hasil dari penjualan saham		3,589,753	3,950,892
Keuntungan/Kerugian bersih belum nyata atas aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian		4,343,144	(974,943)
		<u>9,948,010</u>	<u>6,232,692</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	9	740,041	1,474,126
Yuran pemegang amanah	10	29,706	98,275
Yuran audit		19,000	18,000
Yuran ejen cukai		-	5,500
Kos urusniaga pembelian & penjualan saham		110,399	-
Perbelanjaan pentadbiran		75,725	359,288
		<u>974,871</u>	<u>1,955,189</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI			
		8,973,139	4,277,503
Cukai	11	(18,596)	(160,507)
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI			
		<u>8,954,543</u>	<u>4,116,996</u>
LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF			
		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF			
		<u>8,954,543</u>	<u>4,116,996</u>
Pendapatan bersih selepas cukai untuk tahun kewangan daripada sumber berikut :			
Keuntungan nyata		4,611,398	5,091,939
Keuntungan/kerugian belum nyata		4,343,144	(974,943)
		<u>8,954,543</u>	<u>4,116,996</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

AMANAHA SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

8. PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH
BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)

	SUMBANGAN PEMEGANG UNIT	KERUGIAN TERKUMPUL	NILAI ASET BERSIH
	RM	RM	RM
Baki pada 1.1.2012	387,903,891	(291,136,078)	96,767,813
Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2012	-	4,116,996	4,116,996
Pergerakan dalam sumbangan pemegang unit :			
Penjadian unit	2,344,931	-	2,344,931
Perlucutan unit	(3,154,904)	-	(3,154,904)
Dividen	-	(4,530,742)	(4,530,742)
Pada 31.12.2012/1.1.2013	<u>387,093,918</u>	<u>(291,549,824)</u>	<u>95,544,094</u>
Keuntungan bersih selepas cukai bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2013	-	8,954,543	8,954,543
Pergerakan dalam sumbangan pemegang unit :			
Penjadian unit	2,749,026	-	2,749,026
Perlucutan unit	(1,609,530)	-	(1,609,530)
Dividen	-	-	-
Pada 30.06.2013	<u>388,233,414</u>	<u>(282,595,281)</u>	<u>105,638,133</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

9. **PENYATA ALIRAN TUNAI**
BAGI SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2013 (Belum Di Audit)

	<u>Nota</u>	<u>30.06.2013</u>	<u>31.12.2012</u>
		RM	RM
ALIRAN TUNAI (UNTUK)/DARI AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN			
Perolehan dari penjualan pelaburan		45,245,682	101,161,066
Pembelian pelaburan		(47,304,129)	(92,590,933)
Dividen diterima		1,677,887	2,507,231
Faedah diterima		226,868	483,297
Lain-lain pendapatan diterima		-	20,962
Yuran pengurusan dibayar		(747,991)	(1,560,763)
Yuran pemegang amanah dibayar		(33,176)	(98,193)
Yuran audit dibayar		(39,400)	(30,000)
Pembayaran pengagihan		(4,307,936)	(8,312,879)
Bayaran lain-lain yuran dan belanja		(386,123)	(334,778)
TUNAI BERSIH (UNTUK)/DARI AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		(5,668,318)	1,245,010
ALIRAN TUNAI DARI/(UNTUK) AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Perolehan dari penjadian unit		2,749,026	2,344,931
Pembayaran untuk perlucutan unit		(1,609,530)	(3,154,904)
TUNAI BERSIH DARI/(UNTUK) AKTIVITI PEMBIAYAAN		1,139,496	(809,973)
(PENGURANGAN)/KENAIKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		(4,528,822)	435,037
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		15,964,943	15,529,906
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	12	11,436,121	15,964,943

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

10. NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

1. DANA DAN PENGURUS

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) telah ditubuhkan seiring dengan termeterainya Suratikatan Amanah bertarikh 31 Disember 1994, Suratikatan Amanah Tambahan Pertama bertarikh 10 Julai 1996, Suratikatan Amanah Tambahan Kedua bertarikh 9 Februari 1999 dan Suratikatan Amanah Ketiga bertarikh 14 November 2008 di antara Pengurus, Permodalan BSN Berhad, Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad serta pemegang unit berdaftar Dana.

Pejabat yang didaftarkan dan tempat utama perniagaan adalah terletak di Aras 19, Lot 1, Bangunan TH Selborn, 153 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama Dana ialah melabur di dalam pelaburan yang dibenarkan sepertimana termaktub di bawah Seksyen 1, Suratikatan Amanah Tambahan, dimana termasuklah saham dan stok syarikat yang disiar harga di Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”), sekuriti yang dijamin kerajaan, deposit jangka pendek dan mana-mana stok pinjaman tidak tersenarai atau bon korporat yang memenuhi keperluan khas yang ditentukan. Dana memulakan operasinya pada 12 Januari 1995 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 23 (1), Suratikatan Amanah.

Pengurus, Permodalan BSN Berhad adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia, adalah anak syarikat milik penuh Bank Simpanan Nasional. Pengurus secara prinsipnya adalah terlibat di dalam pengurusan dana unit amanah.

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah kepada Pengurus berdasarkan kepada resolusi pengarah bertarikh 30 Julai 2013.

2. ASAS PENYEDIAAN

Pernyataan kewangan bagi Dana disediakan di bawah konvensyen kos sejarah dan diubahsuai bersesuaian dengan asas-asas penilaian yang dibentangkan seperti dalam seksyen-seksyen lain terangkum di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting dan menurut Piawaian Laporan Perakaunan Malaysia (“MFRS”). Ini adalah penyata kewangan Dana yang pertama yang disediakan selaras dengan MFRSs, yang sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa seperti yang dikeluarkan oleh International Accounting Standards Board.

Pada tahun kewangan sebelumnya, penyata kewangan bagi Dana mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“FRS”) dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Tiada kesan kewangan material disebabkan peralihan dari FRS kepada MFRS.

Dana ini telah menerima pakai lebih awal pindaan kepada MFRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan yang asalnya efektif untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2012. Penggunaan pakai awal pindaan kepada MFRS 101 tidak mempunyai kesan ke atas penyata kewangan selain daripada format pembentangan penyata untung atau rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

Dana tidak menggunakan piawaian perakaunan berikut dan interpretasinya (termasuk pembetulan berikutnya) yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tetapi belum lagi dikuatkuasakan untuk tahun kewangan semasa :

FRSs and IC Interpretations (including the Consequential Amendments)	Effective Date
MFRS 9 Financial Instruments	1 January 2015
MFRS 10 Consolidated Financial Statements	1 January 2013
MFRS 11 Joint Arrangements	1 January 2013
MFRS 12 Disclosure of Interests in Other Entities	1 January 2013
MFRS 13 Fair Value Measurement	1 January 2013
MFRS 119 (Revised) Employee Benefits	1 January 2013
MFRS 127 (2011) Separate Financial Statements	1 January 2013
MFRS 128 (2011) Investments in Associates and Joint Ventures	1 January 2013
Amendments to MFRS 1 (Revised): Government Loans	1 January 2013
Amendments to MFRS 7: Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities	1 January 2013
Amendments to MFRS 9: Mandatory Effective Date of FRS 9 and Transition Disclosures	1 January 2015
Amendments to MFRS 10, MFRS 11 and MFRS 12: Transition Guidance	1 January 2013
Amendments to MFRS 132: Offsetting Finance Assets and Finance Liabilities	1 January 2014
IC Interpretation 20 Stripping Costs in the Production Phase of a Surface Mine	1 January 2013
Annual improvement to MFRSs 2009-2011 Cycle	1 January 2013

Piawaian perakaunan dan interpretasi (termasuk pembetulan yang berikutnya) di atas adalah tidak relevan terhadap operasi Dana kecuali yang berikutnya:

(a) MFRS 9- Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan pengukuran klasifikasi dan pengukuran aset kewangan. Apabila penggunaan daripada MFRS 9, semua aset kewangan akan diukur pada sama ada nilai saksama atau kos terlunas.

(b) MFRS 13-Pengukuran Nilai Saksama

MFRS 13 menetapkan prinsip bagi pengukuran nilai saksama dan menggantikan panduan yang sedia ada di MFRSs berbeza.

Permohonan awal MFRS 9 dan MFRS 13 dijangka tidak akan mempunyai apa-apa kesan kewangan ke atas penyata kewangan Kumpulan Wang selepas penggunaan pertama.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Pertimbangan dan Anggaran Perakaunan Yang Kritikal

Anggaran dan pertimbangan adalah secara berterusan dinilai oleh Pengurus dan berdasarkan kepada pengalaman lalu serta faktor-faktor lain termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan. Anggaran dan pertimbangan yang menjejaskan pemakaian dasar-dasar perakaunan dan pendedahan Dana serta membawa risiko yang penting yang boleh menyebabkan pelarasan material terhadap jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan adalah dibincangkan di bawah :

(i) Cukai Pendapatan

Terdapat transaksi dan pengiraan tertentu yang mana nilai cukai muktamad boleh jadi berbeza daripada anggaran awal. Dana mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan kepada pemahamannya pada undang-undang cukai yang lazim dan anggaran cukai yang mungkin akan diperolehi dalam perjalanan perniagaan biasa. Jika nilai akhir perkara tersebut adalah berbeza dari jumlah yang telah diiktiraf pada mulanya, perbezaan tersebut akan memberi impak ke atas cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

(ii) Kejejasan Belum Terima

Kerugian kejejasan diiktiraf apabila terdapat bukti objektif dimana aset kewangan adalah kejejasan. Pihak pengurusan mengkaji secara spesifik pinjaman dan aset kewangan belum terima dan sejarah hutang lapuk dianalisa, penumpuan pelanggan, kemampuan kredit pelanggan, tren ekonomi semasa dan perubahan di dalam terma pembayaran pelanggan apabila hendak membuat pertimbangan untuk menilai kecukupan elaun kerugian kejejasan. Dimana terdapat bukti objektif kejejasan, amaun dan masa hadapan aliran tunai adalah dianggarkan berdasarkan kepada pengalaman kerugian masa lampau untuk aset dimana ianya adalah sama dengan karakter risiko kredit. Jika kemahuan yang dibuat berlainan dengan jangkaan, perbezaan berkenaan akan memberi kesan kepada nilai bawa belum terima. Dana tidak mempunyai sebarang pinjaman.

(iii) Anggaran Nilai Saksama Aset-Aset Kewangan Dan Liabiliti Tertentu

Dana mempunyai aset-aset kewangan tertentu dan liabiliti pada nilai saksama yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pengadilan yang meluas. Walaupun komponen penting ukuran nilai saksama telah ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama akan berbeza jika Dana menggunakan metodologi penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama bagi aset dan liabiliti akan memberikan kesan ke atas keuntungan dan ekuiti.

(b) Matawang Fungsian Dan Pembentangan

Matawang fungsian Dana diukur menggunakan matawang utama bagi persekitaran ekonomi di mana Dana beroperasi.

Penyata kewangan ini dibentangkan di dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang semasa yang digunakan.

(c) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri dari tunai di bank, simpanan dalam panggilan berlandaskan Syariah di institusi kewangan dan pelaburan patuh Syariah kecairan jangka pendek yang mana boleh ditukar nilainya ke tunai, dimana perubahan dalam nilai pelaburan patuh Syariah membawa risiko yang tidak ketara.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

(d) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diambilkira di dalam Lembaran Imbangan apabila Dana terlibat dalam peruntukan kontrak bagi instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan kepada butiran perjanjian kontrak. Keuntungan, dividen, keuntungan serta kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti adalah di caj terus ke ekuiti.

Instrumen kewangan akan diimbangi apabila Dana menggunakan hak secara sah mengimbangi dan bercadang untuk menyelesaikannya sama ada atas nilai asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama, ditambah, dimana berlaku keadaan dimana instrumen kewangan tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang secara langsung diagihkan kepada pembelian atau penerbitan sesuatu instrumen kewangan.

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam lembaran imbangan dinyatakan di dalam pernyataan polisi individu yang berkaitan dengan satu sama lain.

(i) Aset Kewangan

Pada permulaan pengiktirafan, aset kewangan diklasifikasikan samada sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang, atau aset kewangan sedia untuk dijual, sebagaimana sepatutnya.

- Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan Atau Kerugian

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan berkenaan samada dipegang untuk diniagakan atau direka untuk melupuskan atau mengurangkan secara penting pengukuran atau pengiktirafan yang tidak konsisten yang kemungkinan wujud. Derivatif juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan kecuali ianya direka untuk melindungi nilai.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah dinyatakan pada nilai saksama, dimana sebarang keuntungan atau kerugian yang dialami dari pengukuran semula diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian. Pendapatan dividen dari kategori aset kewangan diiktiraf di dalam untung atau rugi apabila hak Dana untuk menerima pembayaran telah diiktiraf.

- Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Pelaburan dipegang sehingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif atau pembayaran yang boleh ditentukan dan tempoh matang yang tetap dimana pihak pengurusan mempunyai niat yang positif dan keupayaan untuk memegangnya hingga matang. Pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos perlunasan menggunakan kaedah faedah berkesan ditolak dengan kerugian kejelasan, dengan pendapatan diiktiraf melalui asas pulangan berkesan.

AMANAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

- Pinjaman dan Aset Kewangan Belum Terima

Pinjaman dan aset kewangan belum terima yang mempunyai pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disiarharga di dalam pasaran aktif adalah diklasifikasikan sebagai pinjaman dan aset kewangan belum terima. Pinjaman dan aset kewangan belum terima adalah diukur pada kos perlunasan menggunakan kaedah keuntungan berkesan, ditolak dengan sebarang kerugian kejejasan. Pendapatan keuntungan adalah diiktiraf dengan menggunakan kadar keuntungan berkesan, kecuali ke atas belum terima jangka pendek apabila pengiktirafan keuntungan adalah tidak material.

- Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang direka untuk kategori ini atau yang tidak diklasifikasikan di dalam mana-mana kategori.

Selepas pengiktirafan permulaan, aset kewangan sedia untuk dijual diukur kepada nilai saksamanya pada akhir sesuatu tempoh laporan. Keuntungan atau kerugian dari perubahan nilai saksama adalah diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan dikumpulkan di dalam rizab nilai saksama, dengan pengecualian kerugian kejejasan. Di dalam ketidaktirafan, keuntungan terkumpul atau kerugian terkumpul sebelumnya di dalam rizab nilai saksama adalah diklasifikasikan dari ekuiti kepada keuntungan atau kerugian.

Dividen atas instrumen bukan ekuiti yang sedia untuk dijual adalah diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian apabila Dana mempunyai hak untuk menerima pembayaran telah diiktiraf.

Pelaburan di dalam instrumen bukan ekuiti dimana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat, diukur pada kos dan ditolak dengan kerugian kejejasan terkumpul, sekiranya ada.

- (ii) Liabiliti Kewangan

Semua liabiliti kewangan permulaannya adalah pada nilai saksama ditambah secara langsung dengan kos transaksi boleh agih dan diukur kemudiannya pada nilai kos perlunasan menggunakan kaedah faedah berkesan selain dari yang telah dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan samada dipegang untuk diniagakan atau direka untuk menghapuskan atau mengurangkan secara signifikan pengukuran atau pengiktirafan yang tidak konsisten yang mungkin wujud. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk diniagakan kecuali ianya direka untuk melindungi nilai.

- (iii) Sumbangan Pemegang Unit

Sumbangan pemegang unit kepada Dana menepati definasi instrumen yang diletakkan dan diklasifikasikan sebagai ekuiti di bawah FRS 132 yang dikaji semula.

Instrumen yang diklasifikasikan sebagai salah satu ekuiti diukur pada kos dan tidak dinilai semula kemudiannya.

Penyamaan pengagihan diakaunkan pada tarikh penjadian dan perlucutan unit Dana. Ianya mewakili amaun purata pendapatan atau kerugian boleh agih yang termasuk di dalam penjadian dan perlucutan harga unit.

AMANAHAH SAHAM BANK SIMPANAN NASIONAL

(e) Kejejasan Aset Kewangan

Semua aset kewangan (selain yang dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) adalah diperolehi pada akhir tempoh laporan samada mempunyai bukti objektif kejejasan sebagai keputusan dari satu atau banyak keadaan yang memberikan kesan ke atas anggaran aliran tunai hadapan aset berkenaan. Untuk instrumen ekuiti, penurunan yang penting atau berlarutan ke atas nilai saksama di bawah paras kos adalah diambilkira sebagai bukti objektif kejejasan.

Kerugian kejejasan terhadap pelaburan dipegang hingga matang dan pinjaman dan aset kewangan belum terima adalah diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian dan diukur melalui perbezaan di antara amaun bawa aset dan nilai sekarang bagi anggaran aliran tunai hadapan, didiskaun pada kadar asal keuntungan berkesan aset kewangan berkenaan.

